

Jalin suasana kondusif — PM

23 MAY 1993

Oleh **BADRUL HISHAM AZIZ**

KUANTAN 22 Mei — Kerajaan akan terus memainkan peranannya menjalin suasana dagang yang kondusif dan menggalakkan agar proses peralihan ekonomi ke arah perindustrian terus berkembang.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu perlu diambil untuk membolehkan ekonomi negara terus meningkat.

Bagaimanapun, pembangunan berasaskan pertanian dan komoditi utama pada dasarnya adalah tidak stabil dan terdedah kepada manipulasi pasaran.

"Menyedari hakikat ini, kerajaan akan meningkatkan usaha untuk terus melaksanakan proses perindustrian untuk menambah nilai kepada bahan-bahan mentah keluaran negara supaya dapat mengurangkan pendedahan kepada ketidakpastian harga komoditi," katanya ketika berucap merasmikan kilang FPG Oleochemicals Sdn. Bhd. dekat sini, hari ini.

Kilang berharga RM330 juta yang menge-

luarkan lemak sayuran itu adalah usahasama FELDA dan Procter & Gamble dari Amerika Syarikat. Ini merupakan pelaburan usaha sama terbesar FELDA dan kilang itu merupakan pengeluaran lemak sayuran terbesar di rantau ini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaacob, Menteri Pertahanan, Dato Sri Najib Tun Razak, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik serta Timbalan Menteri Luar Bandar, Yassin Kamari.

Menurut Perdana Menteri, ekonomi Malaysia adalah sebahagian daripada ekonomi Rantau Pasifik yang telah dikenalpasti sebagai kawasan perkembangan ekonomi yang pesat dalam adab ke-21.

Katanya, prospek dinamik itu bukan sahaja suatu rahmat tetapi cabaran yang mesti dihadapi dengan bijak dan tabah hati.

"Sebagai negara membangun, kita tidak boleh berlagak sebagai negara maju. Kita harus menggunakan keistimewaan yang ada pada kita, ter-

utamanya kos rendah kita, tanpa dipengaruhi oleh hasutan daripada pihak yang bersaing yang ingin melihat kos kita meningkat," ujarnya.

Mengenai masalah depan perusahaan oleokimia, Dr. Mahathir berkata ia dikenalpasti sebagai salah satu industri yang mempunyai potensi cerah di bawah Pelan Induk Perindustrian Malaysia.

Katanya, kapasiti pengeluarannya di negara ini dijangka mencapai 1.3 juta tan tahun depan dan pengeluaran negara dijangka meningkat kepada 20 hingga 25 peratus jumlah pengeluaran dunia yang dihasilkan daripada bahan-bahan minyak bukan petroleum.

Beliau menarik perhatian bahawa pada tahun 1989, penggunaan minyak sawit untuk industri olekimia hanyalah dua peratus tetapi pada tahun 1995 dijangka menaik 10 peratus manakala eksport dijangka menyumbang 10 peratus daripada jumlah nilai eksport pengeluaran sawit.

Menurut Perdana Menteri, peningkatan penggunaan minyak sawit semulajadi oleh perusahaan

oleokimia di seluruh dunia telah memberi perkembangan positif kepada pengeluaran minyak sayur-sayuran.

Katanya, perkembangan-perkembangan positif dalam industri minyak sawit telah menjadi perangsang kepada Malaysia sebagai negara pengeluar minyak sayuran.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa sungguhpun negara senang hati melihat industri minyak sawit dalam keadaan sihat, ini bukannya masa untuk kita berpuas hati dan berpeluk tubuh."

"Sebenarnya, masa paling baik untuk menyediakan diri terhadap sebarang angkara ialah pada waktu kemewahan dan kemakmuran.

"Sektor minyak dan lemak merupakan urusan yang paling kompetitif dan memerlukan mutu barangan yang tertinggi. Demim menjaga kedudukan kompetitifnya, industri minyak sawit perlu meningkatkan usaha penyelidikan ke atas pelbagai peringkat pengeluaran dari penanaman hingga ke hasil terakhir," ujarnya.